

Dr. Sheikh Muszaphar selamat di angkasa

Sinar Harian m/s 15 12.10.07

Dua lagi anggota krew dalam pesawat angkasa Russia Soyuz TMA-11 berkeadaan baik dan mereka sentiasa menghubungi Pusat Kawalan Misi Russia (MCC) di Moscow.

ANGKASAWAN Malaysia, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor, Sheikh Mustapha dan dua lagi anggota krew dalam pesawat angkasa Russia Soyuz TMA-11 berkeadaan baik dan mereka sentiasa menghubungi Pusat Kawalan Misi Russia (MCC) di Moscow.

Pengarah Urusan dan CEO Aeronautic Technology (M) Sdn Bhd, Datuk Ahmad Sabirin Arshad berkata, pesawat itu mengelilingi bumi setiap 90 minit dan setiap kali melintasi Moscow, mereka menyampaikan maklumat kemas kini mengenai kedudukan tepat pesawat itu.

Ini penting bagi membolehkan MCC terus mengesan mereka, termasuk trip seterusnya melalui ruang angkasa Moscow.

"Bila mereka melintasi Moscow, mereka mempunyai antara 10 hingga 15 minit untuk memberi maklumat kemas kini kepada MCC.

Ini termasuk apa juga yang mereka telah lihat, bintang, bulan malah Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) yang mudah dilihat bila pesawat itu melakukan rotasi orbit mengeliling bumi", katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini tentang maklumat terkini ekspedisi angkasa itu.

Dr Sheikh Muszaphar Shukor dan komander penerbangan Peggy Whitson dan jurutera penerbangan Russia Yuri Malenchenko berlepas memasuki ruang angkasa semalam.

Sabirin berkata, ISS juga mengeliling bumi pada kelajuan 7km sesaat dan pesawat Soyuz perlu terbang pada kelajuan itu akhirnya bagi membolehkannya melakukan "docking" atau percantuman


an dengan tepat.

"Percantuman pesawat itu dengan ISS dijangka berlaku pada 12 tengah malam esok dan mereka mempunyai masa antara 10 malam 12 Oktober dan 2 pagi 13 Oktober untuk berbuat demikian," katanya.

Mengenai keadaan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor yang akan kembali ke bumi pada 21 Oktober, Sabirin berkata, angkawalan Malaysia itu mengalami saat-saat genting dalam tempoh 18 jam pertama setelah berlepas ke angkasa.

"Dr. Sheikh Muszaphar Shukor akan mengalami perubahan fisiologi oleh kerana peredaran darahnya tidak akan sama kerana berada dalam suasana mikrograviti dan beliau mungkin mengalami rasa loya".

Tetapi Sabirin berkata, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor mampu mengatasi keadaan seumpama itu oleh kerana beliau telah di-



DR SHEIKH MUSZAPHAR

latih melakukan demikian, tanpa perlu mengambil ubat.

Sabirin berkata, beliau tidak bimbang tentang angkawalan Malaysia itu oleh kerana ia terbang bersama dua angkawalan berpengalaman.

"Malah Malenchenko memberitahu saya sebelum ini bahawa kita tak perlu bimbangkan Dr. Sheikh Muszaphar Shukor kerana mudah bekerja dengannya dan ia mudah menerima arahan," kata beliau. - BERNAMA